MENDULANG HIKMAH (SIRI 3)

12 CHECKLIST PASCA RAMADAN.

Ringkasan Artikel: “Apa selepas Ramadan?, Prof. Dr. Sharaf Mahmud al-Qudhah.

IKONSYADAB

CATATAN

ABDUL HAKIM BIN OTHMAN

-SEMOGA ALLAH MENGAMPUNINYA DAN KEDUA IBU BAPANYA-

(artikel asal: https://www.ammonnews.net/article/69095)

Ramadan adalah bulan latihan, hasil latihan dalam bulan Ramadan adalah apa yang berlaku selepas daripada Ramadan.

Dalam Sahih al-Bukhari menyebut dua hadis, (1) Terjemahan: “Sesungguhnya Amalan bergantung kepada pengakhirannya.” (2) “Amalan yang paling dicintai dalam agama adalah amalan yang dilakukan oleh pelakunya secara berterusan.”

1. Dalam bulan Ramadan kita bersungguh-sungguh menjauhi perkara yang diharamkan, maka begitulah seterusnya selepada daripada Ramadan.
2. Bersungguh-sungguh kita memelihara kewajipan dalam bulan Ramadan, begitulah selepas daripada Ramadan.
3. Kita bersungguh-sungguh berpuasa dalam bulan Ramadan, maka selepasnya kita berusaha untuk meneruskan ibadah puasa yang sunat, seperti 6 hari dalam bulan Syawwal, puasa hari putih, puasa isnin dan khamis.
4. Kita berusaha menunaikan solat secara berjemaah dalam bulan Ramadan, maka begitulah selepas daripada Ramadan.
5. Kita bersungguh-sungguh memelihara solat malam dalam Ramadan, begitulah seterusnya dalam bulan-bulan lain, sekalipun hanya dengan dua rakaat solat.
6. Dalam Ramadan kita memperbanyakkan bacaan al-Quran, tidak wajar ditinggalkan al-Quran selepas daripada Ramadan, sekurang-kurangnya ada masa pada setiap hari untuk al-Quran.
7. Dalam Ramadan kita memperbanyakkan doa, begitulah seterusnya pada hari-hari lain sepanjang tahun.
8. Kita bersedekah dalam bulan Ramadan, begitulah juga sepanjang tahun kita perlu bersedekah.
9. Bersungguh-sungguh kita memelihara hubungan silaturahim dalam Ramadan, begitulah pada hari-hari seterusnya.
10. Bersungguh-sungguh kita menuntut ilmu dalam bulan Ramadan, begitulah sepatutnya dalam hari-hari yang lain kerana ilmu diperolehi dengan menuntut.
11. Kita sangat penyabar dalam bulan Ramadan, sabra daripada melanggar larangan Allah. Dan sabra itulah perlu berterusan selepas daripada Ramadan.
12. Bersungguh-sungguh kita bertaubat kepada Allah dalam bulan Ramadan, maka peliharalah taubat kia selepada daripada Ramadan kerana Tuhan kepada bulan Ramadan adalah Tuhan kepada bulan-bulan yang lain juga.

تقبل الله منا ومنكم، وأعاننا الله وإياكم على طاعته طوال السنة

والحمد لله رب العالمين.

Diringkaskan oleh: Abdul Hakim Othman, 30 Ramadan 1441H.